

Harga siling topeng muka akan diturunkan

PUTRAJAYA - Kerajaan bersetuju menurunkan harga siling topeng muka yang kini ditetapkan pada harga RM2.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, harga tersebut akan diumumkan selepas mesyuarat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan (KDNHEP) pagi ini.

“Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan tidak bersetuju dengan harga siling (RM2 bagi setiap keping topeng muka) dan mahu ia diturunkan lebih banyak.

“Tidak ada sebab untuk menaikkan topeng muka ini kerana kerajaan telah bersetuju untuk menghapuskan duti import pembelian topeng muka. Esok (hari ini) harga baru akan diputuskan,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pembelian 10 juta topeng muka dari China oleh kerajaan akan memberikan keutamaan kepada barisan hadapan negara.

“Selebihnya akan diagihkan di kawasan yang dikenali pasti berisiko tinggi. Jika ada keperluan lagi, kerajaan akan membeli topeng muka pada masa akan datang,” katanya.